

Putrajaya peruntukkan RM17 juta untuk promosi GST

Malaysian Insider

19 Mac, 2014

Oleh Diyana Ibrahim

Putrajaya hari ini mengumumkan peruntukan sebanyak RM17 juta untuk melaksanakan kempen kefahaman pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang berkuatkuasa pada 1 April, 2015.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan (gambar) berkata jumlah RM17 juta itu meliputi semua saluran seperti iklan di akhbar arus perdana, papan iklan dan media sosial.

"Seperti yang saya maklumkan tadi, jumlah yang kita peruntukkan ialah sebanyak RM17 juta iaitu semua saluran akhbar, billboard, media sosial, Twitter dan Facebook yang mana diuruskan kementerian kewangan," katanya pada sidang media di Parlimen, Kuala Lumpur hari ini.

Ahmad juga mengumumkan kira-kira 15,542 restoran dijangka terbabat dalam hasil kutipan GST apabila ia dikuatkuasakan pada 1 April tahun depan.

Katanya jumlah restoran tersebut adalah tiga kali ganda lebih daripada cukai jualan dan perkhidmatan (SST) semasa dikenakan kepada pengguna.

Beliau juga sekali lagi menafikan pelaksanaan GST akan menyaksikan kenaikan harga makanan dan minuman di restoran.

Ahmad berkata kenaikan 1% hanya dikenakan pada pelaksanaan GST seperti mana barangan makanan yang tertakluk kepada 5% cukai perkhidmatan.

Tambahnya, tidak timbul juga isu kenaikan harga makanan dan barangan di restoran apabila ia turut membabitkan kos operasi seperti bil elektrik.

"Bil elektrik atau sebagainya kita panggil sebagai kos input di mana ia boleh dituntut kemudian, jadi maksudnya tidak akan ada kenaikan harga," katanya.

Beliau juga mengumumkan pemberian subsidi sebanyak RM120 juta kepada syarikat Industri Kecil dan Sederhana Malaysia (SME) yang menggunakan perisian bagi sistem GST.

"Kita berikan subsidi sebanyak RM120 juta dan 55 syarikat dilantik untuk mengendalikan sistem ini di mana urusan pemilihan dilakukan oleh Kastam Diraja Malaysia (PDRM)," katanya.
- 19 Mac, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/putrajaya-peruntukkan-rm17-juta-untuk-promosi-gst>